

**PERANAN PSIKOLOGI PENDIDIKAN DALAM MEMBANGUNKAN
PELAJARAN BERBENTUK CD MENGGUNAKAN PERIBAHASA PELAJAR
SEKOLAH RENDAH MELALUI ANALISIS HERMENEUTIK PEDAGOGI**

SUPPIAH A/L NACHIAPPAN (Ph. D.)

FAKULTI SAINS KOGNITIF DAN PEMBANGUNAN MANUSIA

SERI LANANG JAYA B. HJ. ROHANI (Ph. D.)

FAKULTI BAHASA

KOD PENYELIDIKAN UPSI: 03-12-0036-08

2009

PENGAKUAN

Saya akui bahawa penulisan laporan penyelidikan ini adalah hasil penulisan saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

14 April 2010

Dr. Suppiah Nachiappan
(Ketua Penyelidik)



PENGHARGAAN

Salam sejahtera. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris yang telah membiayai kajian ini. Turut diucapkan terima kasih kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan (PPP), Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan serta Jabatan Pelajaran Perak Darul Ridzuan yang telah meluluskan untuk mengutip sampel kajian di sekolah-sekolah di negeri Perak. Penghargaan juga ditujukan kepada Guru Besar sekolah-sekolah berikut yang membenarkan penyelidik untuk mengutip sampel kajian:

1. SK Hj. Mahmud, Chemor, Perak.
2. SJK (C) Pei Ching, Chemor, Perak.
3. SJK (T) Klebang, Chemor, Perak.

DR. SUPPIAH NACHIAPPAN (Ketua Penyelidik)

DR. SERILANANG JAYA HX ROHANI

Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim
Perak Darul Ridzuan

ABSTRAK

Penulisan karangan adalah suatu komponen yang penting dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia di sekolah rendah. Pelajar menulis karangan berdasarkan pelbagai jenis format. Karangan pelajar menjurus kepada isi dan huraian. Dalam proses penulisan karangan pelajar kurang memberi perhatian terhadap penggunaan peribahasa pada keseluruhannya. Dalam kajian ini sebanyak 82 buah sampel karangan dipilih untuk dibuat analisis. Sampel kajian adalah daripada pelajar Tahun 5 dari tiga buah sekolah di pekan Chemor, Perak. Pendekatan Hermeneutik Pedagogi digunakan untuk menganalisis karangan pelajar untuk mengenal pasti kewujudan peribahasa dalam penulisan karangan-karangan tersebut. Hasil analisis Hermeneutik Pedagogi memberikan interpretasi (metateks) yang dapat dibuat tafsiran kewujudan peribahasa dan pemprosesan informasi yang dialami oleh pelajar secara sedar dan bawah sedar semasa menulis karangan. Hasil kajian didapati bahawa pelajar Sekolah Kebangsaan lebih banyak menggunakan peribahasa semasa menulis karangan berbanding pelajar Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina/Tamil). Pemprosesan informasi yang dialami sejak di sekolah rendah lagi melalui pembelajaran formal dan tidak formal membantu pelajar menulis peribahasa dalam karangan-karangannya. Turut dimuatkan peranan psikologi pendidikan dalam membangunkan pelajaran berbentuk CD menggunakan peribahasa untuk membantu guru menjalankan pengajaran yang berkesan.

THE ROLE OF EDUCATION PSYCHOLOGY IN DEVELOPING LESSONS IN
CD FORMATS USING PROVERBS OF PRIMARY SCHOOL STUDENTS
THROUGH PEDAGOGICAL HERMENEUTICS ANALYSIS

ABSTRACT

Essay writing is an important component in the teaching and learning of Bahasa Malaysia in primary schools. Students write essays based on various types of formats. Essays are based on points and elaborations. In the process of essay writing, students do not give adequate attention on the usage of proverbs in general. A total of 82 essays were chosen for analysis in this study. This sample comprises essays of students of Year 5 from three primary schools in Chemor, Perak. Pedagogical Hermeneutic approach was applied to analyse the essays to identify the existence of proverbs in the essays. The Pedagogical Hermeneutic approach is able to provide an interpretation (*metatext*) of the existence of proverbs and information processing experienced by the students consciously and sub-consciously while writing the essays. From this study, it was found that the students from National Primary Schools were using more proverbs compared to students from vernacular schools. The experience of information processing through formal and informal learning since primary school has helped the students to use proverbs in their essays. The role of education psychology in developing lessons in the forms of compact discs (CD) to assist teachers to carry out the teaching process effectively has also been inserted here.

KANDUNGAN

PENGAKUAN	
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	
KANDUNGAN	vi
SENARAI RAJAH	
BAB 1 : PENDAHULUAN	
1.1 Latar Belakang	1
1.2 Pemyataan Masalah	4
1.3 Rasional Kajian	6
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Soalan Kajian	8
1.6 Kepentingan Kajian	9
1.7 Batasan Kajian	10
1.8 Definisi Istilah Kajian	

BAB 3: KERANGKA KONSEPSI KAJIAN	59
3.1 Pengenalan	59
3.2 Metodologi Kajian	59
3.3 Ciri-Ciri Analisis Hermeneutik	61
3.3.1 Proses Ontopretasi	61
3.3.1 Organisasi Episodisasi	62
3.3.2 CM Situasi Secara Progresif Sejarah	65
3.4 Kaedah Penyelidikan	70
3.4.1 Rekabentuk Kajian Menggunakan Analisis Hermeneutik Pedagogi	70
3.4.2 Prosedur Analisis Hermeneutik	71
BAB 4: DAPATAN KAJIAN	74
4.1 Pengenalan	74
4.2 Interpretasi Analisis Hermeneutik Pedagogi	75
BAB 5: RUMUSAN	145
5.1 Pengenalan	145
5.2 Perbandingan Pencungkilan Peribahasa Antara SK dan SJK(C/T)	145

BIBLIOGRAFI 153

Lampiran A 159

Tajuk-Tajuk Karangan untuk SK Hj. Mahmud dan
SJK(C) Pei Ching

Lampiran B 160

Tajuk-Tajuk Karangan untuk SJK(T) Klebang

Lampiran C 161

Surat-Surat Kebenaran



SENARAI RAJAH

2.1	Hermeneutik Pedagogi Sebagai Kaedah Kajian	58
3.1	Tindakan Pendekatan Hermeneutik Terhadap Teks yang Dikaji untuk Membongkar Kebenaran	60
3.2	Proses Ontopretasi	62
3.3	Penulisan Episod Demi Episod (Proses Episodisasi)	63
3.4	Proses Penulisan yang Menyeluruh	64
3.5	Aspek Progressif Sejarah Ke Arah Pemahaman dan Asimilasi	67
3.6	Pengajaran Guru Ke Arah Pemahaman Pelajar Dalam Penimbaan Ilmu Pengetahuan	69
3.7	Tatacara Analisis Karangan Menggunakan Analisis Hermeneutik Pedagogi	73
5.1	Perbandingan Pencungkilan Peribahasa Antara SK dan SJK(C/T)	147
5.2	Proses Penulisan dan Pencungkilan Informasi yang Mempengaruhi Pengalaman Bawah Sedar Pelajar	149
5.3	Peranan Guru dalam Pengajaran Menggunakan Peribahasa atau Sebaliknya	151

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang

Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia di sekolah rendah, khususnya mempunyai kepincangan, iaitu guru-guru biasanya mengajar secara berasingan isi-isi pelajaran, iaitu aspek pemahaman, tatabahasa, bacaan, penulisan karangan dan sebagainya tanpa mempunyai kesinambungan pada setiap hari. Kajian ini cuba memfokus pada pembinaan lima contoh pelajaran untuk mengajar secara kesinambungan dalam bentuk CD untuk Sekolah Kebangsaan dan lima contoh pelajaran untuk pelajar SJK(C/T) Tahun 5.

Psikologi Pendidikan merupakan komponen yang penting dalam dunia profesion perguruan. Kemahiran dalam bidang psikologi memberi input pengetahuan berasaskan minda dan perasaan kepada guru-guru dalam menjayakan pengajaran dan pembelajaran. Antara kandungan kursus Psikologi Pendidikan termasuklah teori perkembangan kanak-kanak, teori perkembangan psikoseksual, psikososial, perbezaan individu, teori pemprosesan maklumat, teori pemikiran, pendekatan konstruktivisme, motivasi dan teori pembelajaran sosial.

Psikologi Pendidikan membantu guru dalam memahami tingkah laku pelajar dalam situasi pengajaran dan pembelajaran. Psikologi pendidikan membantu memperihalkan dan menerangkan punca berlakunya sesuatu tingkah laku. Ia dapat mengawal dan meramal sesuatu tingkah laku. Psikologi pendidikan sebagai ilmu terapan (*applied science*) berusaha untuk menerangkan masalah belajar menurut prinsip-prinsip dan fakta-fakta mengenai tingkah laku pelajar secara ilmiah. Pengetahuan psikologi pendidikan dipelajari dan difahami oleh seseorang guru agar dapat menjalankan tugas sebagai guru dengan cara yang sebaik-baiknya. Dengan wujudnya interaksi antara pelajar dengan guru, proses psikologi difahami dan diaplikasikan. Manfaat psikologi pendidikan ialah untuk membantu para guru dan pelajar dalam mengembangkan pemahaman yang lebih baik mengenai pembelajaran dan prosesnya. Dengan psikologi pendidikan pengajaran guru akan berfokus kepada penyelesaian masalah pelajar dari segi pembelajaran dan perkembangan pelajar. Justeru, psikologi pendidikan dijadikan landasan untuk berfikir dan bertindak dalam mengurus proses pengajaran dan pembelajaran yang efektif.

Beberapa pendekatan dibincang untuk mengukuhkan pembelajaran termasuk pendekatan tingkah laku, kognitif dan sosial. Idea tentang aspek tingkah laku, menurut ahli-ahli behavioris ialah tingkah laku pelajar boleh diperhatikan oleh guru. Misalnya, seseorang kanak-kanak melukis, pelajar meniru kerja rumah dan sebagainya. Menurut Pearce (2001), aspek pelaziman klasik dan operan yang disarankan oleh behavioris adalah dua pandangan yang berkaitan dengan pembelajaran asosiatif. Sebagai contohnya, pembelajaran asosiatif berlaku apabila pelajar mengaitkan peristiwa yang telah berlaku di

rumah dihubungkannya di sekolah semasa guru senyum menerima soalan yang terbaik daripada seorang pelajar.

Pengajaran penulisan karangan di sekolah-sekolah di Malaysia adalah penting dan berterusan dalam pendidikan, khususnya di sekolah rendah dan menengah. Proses penulisan karangan merupakan pemangkin untuk mengasah bakat kepengarangan pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran. Bahasa merupakan wahana penting untuk menyampaikan isi dan huraian dalam penulisan karangan. Proses penulisan karangan (daripada perenggan permulaan, perkembangan dan penutup) harus mendukung unsur-unsur bahasa yang mampu mengolah dan memantapkan kesinambungan penulisan karangan. Penerapan unsur-unsur bahasa khususnya penulisan peribahasa dalam karangan pada masa sekarang perlu dilihat dan dianalisis untuk mengenal pasti sejauh mana ia berjaya membudayakan pelajar untuk mendukung khazanah budaya warisan bangsa, khususnya.

Penerimaan dan penghayatan informasi sejak kecil lagi melalui proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah dianalisis untuk melihat peranan dalam membudayakan aspek menghargai khazanah budaya bangsa melalui peribahasa pelajar-pelajar di sekolah rendah, khususnya. Pemprosesan informasi baik daripada tahap memori jangka pendek atau memori jangka panjang dianalisis untuk mengenal pasti sejauh mana ia berjaya membantu pelajar menghasilkan karangan yang mendukung peribahasa melalui hasil penulisan karangan yang pelajar tulis.

1.2 Pernyataan Masalah

Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia di sekolah rendah, khususnya mempunyai sedikit sebanyak kekurangan dari segi penggunaan peribahasa dalam proses penulisan karangan. Guru-guru biasanya mengajar secara berasingan isi-isi pelajaran, iaitu aspek pemahaman, tatabahasa, bacaan, penulisan karangan dan sebagainya tanpa menitikberatkan penggunaan peribahasa secara meluas dalam karangan mereka.

Unsur psikologi pendidikan merupakan elemen penting yang membantu pelajar mencungkil maklumat daripada memori jangka panjang untuk ditulis dalam karangan. Pengajaran guru yang berdasarkan penggunaan peribahasa bukan meluas dan aspek-aspek ini kurang diberi keutamaan dalam menggalakkan pelajar semasa pemarkahan di peringkat menggunakannya dalam proses penulisan karangan.

Dalam penulisan karangan, khususnya beberapa komponen dianalisis untuk memberi markah untuk karangan tersebut. Ia termasuklah format karangan, gaya penyampaian isi dan huraian, kemahiran bahasa dalam mengutarakan idea dan huraian dalam karangan tersebut. Apabila berbicara ciri bahasa, maka dilihat kemahiran yang dimiliki oleh pelajar dalam membuahakan idea yang bernas untuk mengolah isi dengan baik. Penulisan karangan yang baik bergantung kepada unsur-unsur bahasa seperti penulisan imageri, simpulan bahasa, peribahasa, pantun, emosi, kepercayaan-kepercayaan masyarakat setempat serta nilai dan norma masyarakat yang diwakili oleh pelajar. Kajian

ini akan menyetengahkan unsur-unsur bahasa terkini, iaitu kehadiran peribahasa secara perbandingan di antara tiga buah sekolah rendah di sekitar pekan Chemor, Perak.

Penggunaan peribahasa dilihat berkeupayaan untuk menghasilkan karangan yang baik kerana ia masih merupakan komponen yang penting dalam penulisan karangan yang dilihat oleh guru-guru bahasa, khususnya sewaktu memeriksa karangan pelajar. Sekiranya penggunaan unsur-unsur bahasa ini pada tahap yang kurang menyakinkan, maka pengkaji akan memberi rumusan-rumusan mengapa ia harus dititikberatkan dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah di Malaysia pada masa sekarang. Secara tidak langsung penulisan unsur-unsur bahasa mampu memberi identiti masyarakat setempat di mana kelompok pelajar itu mendiaminya. Sebagai contoh, kemampuan pelajar daripada sekolah rendah di sekitar pekan Chemor mampu mengutarakan unsur bahasa di dalam penulisan karangan berdasarkan khazanah budaya hidup masyarakat setempat yang mempunyai warisan pensejarahan turun-temurun. Penulisan unsur-unsur bahasa dilihat sebagai pendukung warisan budaya yang dapat memantapkan penulisan karangan pelajar yang bercirikan pengetahuan warisan budaya bangsa pelajar.

Implikasi kajian ini adalah untuk mereka bentuk atau mengubah suai strategi pengajaran dan pembelajaran untuk meneruskan pengajaran guru yang sedia ada atau memastikan kualiti pengajaran unsur-unsur bahasa dititikberatkan seterusnya semasa pengajaran secara langsung di dalam bilik darjah. Seterusnya, latihan guru dan penilaian dibuat dengan berkesan dan secara objektif semasa guru-guru diberi pendedahan untuk memeriksa karangan pelajar berdasarkan unsur-unsur bahasa termasuk penggunaan

peribahasa yang merupakan komponen utama dalam karangan. Kesemua ini akan membantu pihak Kementerian Pelajaran mereka atau mengubah suai program latihan, perancangan kurikulum dan menyediakan panduan untuk guru mengajar di dalam bilik darjah berpandukan sukatan dan huraian pelajaran yang mencakupi bidang unsur bahasa yang agak luas itu, termasuk penggunaan peribahasa secara meluas.

Kajian ini cuba memfokus pembinaan lima contoh pelajaran untuk mengajar secara kesinambungan dalam bentuk CD untuk sekolah kebangsaan dan lima contoh pelajaran untuk pelajar SJK(C/T) Tahun 5 berpandukan penggunaan peribahasa dalam proses penulisan karangan.

1.3 Rasional Kajian

Kajian ini adalah untuk menilai penulisan peribahasa dalam karangan sebagai suatu komponen penting untuk meningkatkan kualiti penulisan berdasarkan peribahasa. Pelajar masih tidak dapat mencapai penulisan karangan yang berkualiti melalui proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia. Kebanyakan karangan yang ditulis oleh pelajar didapati masih boleh membaiki kelemahan dari segi gaya bahasa yang mengandungi peribahasa yang relevan. Ini bererti, ilmu pengetahuan melalui pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia sejak di Tahun 1 hinggalah Tahun 4 tidak terakam dengan konkrit dalam memori jangka panjang.

Faktor kelemahan pelajar dalam kemahiran menulis peribahasa dalam menghasilkan sesebuah karangan dapat diandaikan sebagai suatu masalah pembelajaran dan guru harus mengambil tindakan yang sewajarnya. Dalam pada itu, bukan semua pelajar dapat menguasai teknik penulisan karangan yang efektif yang merangkumi penggunaan tepat pemilihan peribahasa semasa menulis karangan. Menurut Juriah Long (1993), dalam usaha pelajar menulis karangan tentang sesuatu topik, pelajar sentiasa mengalami konflik dalaman kerana proses pemerolehan bahasa bergantung kepada proses kognitif dan proses linguistik.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan menyelidik penggunaan peribahasa dalam penulisan karangan pelajar Tahun 5 di tiga buah sekolah rendah, iaitu di SK Hj, Mahmud, SJK(C) Pei Ching dan SJK(T) Klebang, Chemor. Penggunaan peribahasa dalam karangan pelajar Tahun 5 dikaji secara perbandingan di antara ketiga-tiga buah sekolah. Analisis dijalankan dengan menggunakan pendekatan Hermeneutik Pedagogi yang berbentuk interpretif atau interpretasi teks karangan pelajar tersebut yang berdasarkan empat objektif yang khusus seperti berikut:

- i) Untuk menganalisis unsur-unsur psikologi pendidikan semasa pelajar menulis karangan.

ii) Untuk mengenal pasti unsur-unsur bahasa, iaitu kehadiran peribahasa yang terdapat dalam karangan-karangan pelajar SK dan SJK(C/T).

iii) Untuk menganalisis kesamaan dan perbezaan kehadiran peribahasa di antara sekolah-sekolah tempat kajian secara perbandingan.

iv) Untuk menghasilkan lima contoh pelajaran dalam bentuk CD interaktif untuk SK dan lima contoh CD untuk SJK(C/T) penggunaan peribahasa yang efektif untuk pelajar sekolah rendah.

1.5 Soalan Kajian

Untuk menyelidiki saranan objektif-objektif tersebut, maka dikemukakan beberapa soalan sebagai soalan-soalan kajian seperti berikut:

i) Apakah unsur-unsur psikologi pendidikan yang dihuraikan semasa pelajar menulis karangan?

ii) Apakah unsur-unsur bahasa, iaitu peribahasa yang terdapat dalam karangan-karangan pelajar SK dan SJK(C/T)?

iii) Bagaimanakah kesamaan dan perbezaan kehadiran peribahasa di antara sekolah-sekolah kajian secara perbandingan?

iv) Bagaimanakah menghasilkan lima contoh pelajaran dalam bentuk CD interaktif untuk SK dan lima contoh CD interaktif untuk SJK(C/T) tentang penggunaan peribahasa yang efektif untuk pelajar sekolah rendah?

1.6 Kepentingan Kajian

Menurut Suppiah (2003), daripada analisis kajian lalu di Malaysia, didapati tidak ramai pendidik Bahasa Melayu yang membincangkan tentang bagaimana pelajar sebenarnya memikir dan mengekspresikan idea, isi, fakta dan maklumat apabila menjawab soalan esei. Penulisan karangan dalam konteks kognitif, bahasa dan linguistik harus dilihat mempunyai kesinambungan dalam pemrosesan informasi yang dialami oleh pelajar sejak kecil lagi. Segala ilmu yang diajar secara langsung oleh guru bahasa, iaitu termasuk aspek gaya bahasa seperti penggunaan peribahasa harus dilihat sebagai khazanah sastera bangsa yang diwarisi. Contohnya, penggunaan gaya bahasa seperti peribahasa, simpulan bahasa dan pantun sebenarnya mencerminkan kesantunan berbahasa dan ketamadunan bangsa yang mendukungnya. Justeru, gaya bahasa perlu diajar secara konsisten untuk diterapkan dalam minda pelajar di sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran sejak di sekolah rendah sehingga di sekolah menengah.

Penggunaan gaya bahasa di dalam penulisan karangan dilihat menjadi pemangkin dalam proses mengindahkan serta memantapkan sesuatu idea ke arah penghasilan karangan pelajar. Melalui kajian ini juga ingin dilihat sejauh mana pelajar menggunakan

gaya bahasa seperti peribahasa untuk mengindahkan dan mengukuhkan isi dan huraian dalam penulisan karangan. Dalam pada itu, beberapa CD interaktif dibangunkan untuk membantu guru-guru sekolah rendah, khususnya dalam mengajar Bahasa Malaysia dengan efektif.

Berdasarkan rasional ini, maka kajian ini wajar dilakukan untuk mengetahui penulisan karangan berdasarkan pada penggunaan peribahasa. Seterusnya, interpretasi secara Hermeneutik Pedagogi dibuat berdasarkan perkara yang tersurat dan tersirat dalam penulisan karangan secara sedar dan di bawah sedar. Pendekatan Hermeneutik Pedagogi dianggap sesuai dalam menganalisis karangan-karangan kerana ia dapat mengkaji aspek yang tersirat dan kompleks serta hubungkait dengan aspek pengalaman psikologi, emosi dan sosiobudaya dalam penulisan pelajar, yang disebut sebagai "teks" (Loganathan, 1992).

1.1 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas di tiga buah sekolah sahaja di sekitar pekan Chemor, Perak. Kajian ini hanya menguji pelajar Tahun 5 menulis karangan yang mengandungi peribahasa. Kekerapan penggunaan peribahasa dikaji untuk mengenal pasti sejauh mana pelajar berjaya mengaplikasikannya dalam proses penulisan karangan mereka. Kajian ini tidak dapat dijadikan sebagai asas yang kukuh untuk merumuskan penggunaan peribahasa dalam karangan pelajar di seluruh negara kerana aspek batasan yang telah ditentukan lebih awal lagi. Walau bagaimanapun, langkah kajian awal yang melibatkan tiga buah

sekolah ini boleh memberi gambaran awal untuk menyelidiki dengan meluas di seluruh Malaysia kelak.

1.8 Definisi Istilah Kajian

1.8.1 Peribahasa

Peribahasa Melayu merupakan suatu Puisi Melayu tradisional yang dimiliki oleh masyarakat tradisional. Oleh kerana 'ketiadaan' atau 'kesamaran' penulisnya maka ia menjadi milik bersama yang diturunkan dari satu generasi ke satu generasi yang lain sehingga hari ini. Terdapat 5 bahagian dalam peribahasa Melayu, iaitu simpulan bahasa, perumpamaan, pepatah, bidalan dan kata-kata hikmah.

1.8.2 Karangan (Teks)

Karangan atau teks adalah bermaksud karangan-karangan dalam Bahasa Malaysia yang dihasilkan oleh pelajar secara spontan dalam kelas-kelas Tahun 5. Kesemua karangan yang dikutip, iaitu sebanyak 82 buah yang terdiri daripada pelajar Tahun 5 di tiga buah sekolah rendah di sekitar pekan Chemor, Perak.

1.8.3 Pemprosesan Informasi

Pelajar sentiasa melakukan pemprosesan informasi melalui ilmu pengetahuan, peristiwa-peristiwa dan pengalaman-pengalaman yang dialami oleh pelajar sejak kecil lagi. Segala ilmu pengetahuan baru (*new knowledge*) yang dikenal pasti melalui pemprosesan informasi sentiasa disimpan dalam tahap bawah sedar (*subconscious mind*) di dalam memori jangka panjang (*long term memory*) pelajar untuk disimpan secara berkekalan.

Semua informasi akan digunakan oleh pelajar semasa menjalankan sesuatu aktiviti yang berlandaskan pemikiran. Aktiviti yang dimaksudkan ialah penghasilan karangan-karangan yang diselitkan dengan peribahasa.

1.8.4 Pendekatan Analisis Hermeneutik Pedagogi

Pendekatan Analisis Hermeneutik Pedagogi adalah suatu metodologi yang digunakan oleh penyelidik untuk menginterpretasi teks karangan. Pembacaan dan penelitian keseluruhan dilakukan terhadap karangan-karangan Tahun 5 untuk mendedahkan penggunaan peribahasa yang membantu pelajar menulis karangan dengan efektif.

Pendekatan ini mengutamakan interpretif kualitatif dan menghuraikan makna (*lumensa-lumensa*) atau kebenaran-kebenaran yang tersurat dan tersirat dalam sesebuah teks atau karya yang dihasilkan oleh pelajar. Interpretasi makna melalui teks karangan dilakukan melalui proses ontopretasi, iaitu pergerakan daripada struktur luaran, (bacaan

dan penaakulan) ke struktur dalaman untuk membongkar makna yang tersirat dalam karangan-karangan pelajar.



BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Tinjauan literatur mengupas tugas dan fungsi bahasa, tugas penulisan dalam pengajaran bahasa, kewujudan gaya bahasa dalam penulisan karangan, aspek pemprosesan informasi yang dialami oleh pelajar semasa menulis karangan, kajian-kajian lampau yang menggunakan analisis Hermeneutik Pedagogi yang digunakan untuk menginterpretasikan hasil penulisan karangan. Turut dikaji dan dianalisis ialah sorotan literatur tentang asal-usul analisis Hermeneutik Pedagogi sebagai suatu metodologi yang digunakan dalam kajian ini.

2.2 Tugas dan Fungsi Bahasa

Bahasa memainkan peranan penting dalam kehidupan seseorang pelajar. Hal ini benar-benar dirasakan oleh seseorang guru yang mengajar di dalam bilik darjah, khususnya semasa Pengajaran pelajaran Bahasa Malaysia. Menurut Tarigan (1986), dalam tugasnya sehari-

hari, para guru bahasa perlu benar-benar memahami tujuan akhir pengajaran bahasa ialah agar para pelajar mahir berbahasa, mahir menyemak, mahir bertutur, mahir membaca, dan mahir menulis.

Menurut Mohd Sidin (1996), perkataan-perkataan lebih banyak wujud dalam penulisan daripada lisan. Ia lebih banyak digunakan oleh orang-orang yang berpendidikan daripada kalangan yang tidak berpendidikan. Selain itu, ia biasanya digunakan untuk suasana pengajaran formal di sekolah-sekolah.

Setiap pelajar mempunyai gaya penulisan bahasanya yang tersendiri semasa menulis karangan berbanding pelajar yang lain. Perbezaan ini disebabkan oleh penggunaan ayat-ayat di dalam penulisan karangan. Penggunaan gaya bahasa yang mantap seperti penggunaan peribahasa, simpulan bahasa, kiasan bunga, ungkapan, slogan dan sebagainya dilihat sebagai penguasaan kemahiran berbahasa yang baik oleh seseorang pelajar. Penguasaan berbahasa dikaitkan dengan pengajaran yang disampaikan oleh seseorang guru di dalam bilik darjah secara langsung dan penerimaan pembelajaran secara tidak formal yang dilalui oleh seseorang pelajar sejak kecil lagi.

Lazimnya, pelajar yang menggunakan gaya bahasa terutamanya peribahasa, simpulan bahasa, kiasan bunga dan sebagainya adalah dalam kategori yang berkemahiran tinggi. Pelajar berjaya menyesuaikan penulisan karangan dengan situasi penerangan sesuatu ayat dengan menggunakan gaya bahasa tersebut. Pelajar yang berjaya menulis karangan yang mantap adalah mempunyai ciri-ciri keindahan bahasa termasuk gaya